

# Isu banjir: Kerajaan Selangor jangan salahkan pihak lain

KLUANG 9 April - Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor mengingatkan supaya tidak menuduh kerajaan Pusat kononnya tidak memberi peruntukan untuk membantu mengatasi masalah banjir yang melanda negeri itu bulan lalu sedangkan permohonan untuk tujuan tersebut masih belum dikemukakan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar (**gambar**) berkata, perbuatan itu amat tidak bertanggungjawab dan meletakkan kepincangan pentadbi-

ran kerajaan negeri yang lemah kepada pihak lain apabila berdepan dengan masalah.

"Mereka ada buat kenyataan yang menyalahkan saya tidak membantu kerajaan negeri untuk mendapatkan peruntukan lebih RM1 bilion.

"Apabila saya rujuk kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas dalam me-



syuarat Kabinet minggu lepas, beliau kata permohonan itu belum dibuat.

"Dalam hal ini juga ia sesuatu yang mengelirukan kerana salah seorang Exco kerajaan Selangor kata dah hantar permohonan kepada kerajaan Pusat dan hari ini pula, Menteri Besar Selangor pula kata baru nak mohon dan bawa ke

peringkat Exco negeri. Jadi mana satu yang betul ni dan nak diikuti?"

"Ini semua menunjukkan kelemahan pentadbiran kerajaan Selangor, sepatutnya dia rancang lebih awal lagi dan bukan keluar kenyataan yang bercanggah," katanya pada sidang akhbar selepas melawat ladang Projek Pertanian Moden di sini hari ini.

Beliau mengulas masalah banjir di Ampang, Hulu Langat dan Klang yang berlaku bulan lalu, antaranya berpunca dari masalah sungai yang semakin cetek, sistem perparitan tersumbat dan penyenggaraan yang tidak teratur.

Noh berkata, kenyataan bercanggah yang dikeluarkan itu menunjukkan pihak pentadbiran kerajaan negeri tidak tahu apa yang dikatakan, khususnya melibatkan kepentingan rakyat seperti itu.

Menurutnya, kerajaan Pusat sedia menimbangkan permohonan tersebut dan sepatutnya kerajaan negeri mewujudkan satu sistem pemantauan terhadap perkembangan masalah itu dan bukan hanya tahu menuding jari kepada pihak lain apabila tersepit.